



Farah mahu Malaysian Tigress bangkit bertemu Jepun

Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@NSTP.com.my

Kuala Lumpur: Meskipun sudah tewas dua perlawanan, penjaga gol skuad hoki wanita negara, Farah Ayuni Yahya (*gambar*) enggan berputus asa, sebaliknya berharap rakan sepasukannya dapat meraih kemenangan pertama apabila bertemu Jepun pada perlawanan ketiga Trofi Juara-Juara Asia di Donghae, Korea Selatan hari ini.

Malaysian Tigress tewas dua perlawanan kepada Korea Selatan dan China menerusi jaringan sama 1-3, namun mereka dilihat mampu memberi saingan kepada pasukan yang layak beraksi di Piala Dunia itu.

Skuad negara pernah mengejutkan Jepun dalam saingan sama dua tahun lalu di Singapura sehingga menyaksikan Farah dinobatkan sebagai penjaga gol terbaik kejohanan.

Justeru, dia berharap detik

manis itu dapat diulangi apabila bertemu lawan sama hari ini.

"Saya tidak pernah menyerah kalah sebab saya percaya masih ada peluang lagi untuk kami membuktikan kemampuan pasukan.

"Sebab itu saya harap kami dapat tewaskan Jepun," katanya ketika dihubungi.

Sekiranya dapat meraih tiga mata bertemu Jepun, ia pastinya menjadi hadiah terbaik untuk Farah yang menyambut ulang tahun kelaahiran ke-29, hari ini.

Namun, tugas skuad negara tampak sukar selepas dua pemain negara, Raja Norsharina Raja Shabuddin dan Juliani Mohamad Din pasti tidak akan diturunkan selepas masing-masing patah jari serta cedera lutut.

"Jepun pasukan yang kuat. Mereka seri ketika bertemu Korea. Pemain perlu memberikan yang terbaik untuk mendapatkan sesuatu daripada perlawanan ini," kata ketua jurulatih, Muhammad Dhaarma Raj Abdullah.